

Jelaskan faktor-faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama.

Antara faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama adalah persaingan kuasa _____. Mereka bersaing untuk mendapatkan _____ bagi memperoleh _____. Contohnya, arang batu dan bijih timah.

Selain itu, faktor yang kedua ialah pembentukan pakatan _____. Contohnya, pakatan _____ dan Pakatan Bertiga. Pakatan ketenteraan ini bersaing menghasilkan _____ moden dan sedia berperang.

Akhir sekali, krisis rantau _____ juga merupakan satu faktor. Kemuncak krisis ini ialah _____ Archduke Ferdinand, Putera Mahkota _____ oleh seorang pemuda _____. Pembunuhan ini mencetuskan Perang Dunia Pertama.

bahan mentah
senjata
pembunuhan
imperialis
ketenteraan
Balkan
tanah jajahan
Serbia
Kuasa Tengah
Austria-Hungary

Susun semula peristiwa Perang Dunia Pertama dalam urutan yang betul.

Jerman mengisytiharkan perang terhadap Rusia.	
Itali menyertai Perancis, Britain dan Rusia (Pakatan Bertiga).	
Austria-Hungary dengan sokongan Jerman mengisytiharkan perang terhadap Serbia.	1
Empayar Uthmaniyah menyertai perang dan memihak kepada Kuasa Tengah.	
Rusia memberi bantuan ketenteraan untuk mempertahankan Serbia.	
Britain menyertai Rusia dan Perancis memerangi Jerman yang menceroboh Belgium.	
Jerman mengisytiharkan perang terhadap Perancis yang menyebelahi Rusia. Jerman menceroboh Belgium untuk menyerang Perancis.	
Amerika menyertai perang dan memihak kepada Pakatan Bertiga.	8

Terangkan peristiwa yang berlaku selepas berakhir Perang Dunia Pertama.

Peristiwa yang berlaku selepas berakhir Perang Dunia Pertama ialah Persidangan Damai _____. Persidangan ini membincangkan syarat _____ selepas perang. Syarat ini memastikan Jerman tidak lagi menjadi _____ kepada _____ di Eropah. Persidangan ini melahirkan _____ 14 Perkara Woodrow Wilson yang merangkumi dua prinsip utama, iaitu penentuan _____ negara oleh rakyat sendiri dan _____ negara berasaskan _____.

perdamaian
nasib
bangsa
Paris
Deklarasi
sempadan
ancaman
keamanan

Jelaskan tiga kesan Perang Dunia Pertama.

Antara kesan Perang Dunia Pertama ialah keruntuhan pemerintahan _____. Misalnya, di empayar _____, Sultan Mehmed VI _____.

Kesan yang kedua ialah kemunculan _____. Contohnya, perpecahan _____ melahirkan negara baharu seperti _____ dan Estonia. Perpecahan empayar Uthmaniyah pula melahirkan negara baharu seperti _____ dan Iraq.

Perang Dunia Pertama juga membawa kesan terhadap negara kita. Bagi _____ kebangkitan orang Melayu, Raja-raja Melayu diminta menandatangani _____ perang yang _____ kerajaan British. British juga meluluskan pelbagai undang-undang _____.

negara baharu
menyekat
beraja
perang
Poland
Uthmaniyah
perisytiharan
Syria
digulingkan
menyokong
Rusia

Jelaskan faktor-faktor yang mencetuskan Perang Dunia

Kedua di Eropah.

Antara faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua di Eropah adalah kemunculan _____ baharu. Kemelesetan ekonomi menyebabkan pemimpin Jerman dan Itali mengadakan gerakan politik _____. Contohnya, _____ di Itali dan _____ di Jerman.

Selain itu, faktor yang kedua ialah ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles. Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak _____ dan menjejaskan _____ negaranya. Itali pula tidak puas hati kerana tidak diberikan _____ seperti yang diperoleh Perancis dan Poland.

Akhir sekali, faktor yang ketiga ialah kegagalan Liga Bangsa-bangsa. Liga Bangsa-bangsa gagal menguatkuasakan perjanjian _____ senjata. Liga Bangsa-bangsa gagal menangani krisis _____ yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama.

radikal
pelucutan
Nazisme
ideologi
tanah jajahan
pelucutan
Fasisme
pencerobohan
kedaulatan

Terangkan peristiwa Perang Dunia Kedua yang berlaku di Eropah.

Dalam Perang Dunia Kedua, berlakunya penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat. Jerman memulakan serangan _____ dan berjaya menawan negara seperti _____ dan Perancis.

Seterusnya, Itali, iaitu sekutu Jerman mengisytiharkan perang terhadap _____ dan Perancis.

Selanjutnya, Jerman melancarkan serangan _____ dan laut terhadap Britain. Serangan tersebut telah menjejaskan _____ Britain.

Akhir sekali, Jerman melancarkan Operasi _____ untuk menawan Rusia. Operasi ini menyasarkan _____ Rusia seperti _____.

udara
ekonomi
Blitzkrieg
Belanda
Britain
Moscow
Barbarossa
bandar utama

Jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan Kuasa Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua.

Antara faktor yang membawa kepada kejayaan Kuasa Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua adalah _____ kuasa besar. Misalnya, Presiden _____, Franklin Roosevelt dan Perdana Menteri _____, Winston Churchill serta Presiden _____, Joseph Stalin bekerjasama membuat keputusan politik dan _____.

Selain itu, kejayaan ini berpunca daripada keberkesanan _____ serangan. Operasi _____ menawan Rusia gagal kerana tempoh masa perang yang panjang menyebabkan Jerman kehabisan _____, minyak dan makanan. Sebaliknya, _____ berjaya dalam operasi kod "D-Day" dengan mendarat di _____, Perancis.

Rusia
Jerman
kerjasama
Tentera Bersekutu
strategi
Amerika Syarikat
Normandy
Britain
peluru
ketenteraan